NAMA : KELAS :

Unit 9 Koordinat
Unit 10 Nisbah dan Kadaran

Hal. Buku Teks: 151 – 162

Pilih jawapan yang betul.

1. Terdapat 7 biji guli merah dan 15 biji guli biru di dalam sebuah bekas. Apakah nisbah bilangan guli merah kepada jumlah guli di dalam bekas itu?
   A 7 : 15
   B 7 : 22
   C 15 : 7
   D 22 : 7

2. Nisbah bola tampar kepada bola sepak yang dijual di sebuah kedai alat sukan ialah 5 : 3. Sebanyak 160 biji bola tampar dijual. Berapakah beza antara kedua-dua jenis bola yang dijual?
   A 64
   B 96
   C 160
   D 224

3. STEM Tinggi sepohon pokok betik ialah 2 m manakala tinggi sepohon pokok durian ialah 6 m.
   Antara berikut, yang manakah **tidak** betul?
   A Nisbah ketinggian pokok betik kepada ketinggian pokok durian ialah 1 : 3
   B Tinggi pokok durian adalah 4 kali tinggi pokok betik
   C Nisbah ketinggian pokok betik dengan ketinggian pokok durian diwakili dalam bentuk pecahan ialah $\frac{1}{3}$
   D Jumlah ketinggian pokok betik dan pokok durian ialah 8 m.

Soalan 4 – 6 adalah berdasarkan Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan kedudukan empat objek pada satah Cartes.



Rajah 1

4. Apakah koordinat bagi buah durian?
   A (2, 1)
   B (3, 4)
   C (4, 3)
   D (6, 5)

5. Antara berikut, pasangan buah yang manakah mewakili jarak 3 unit mengufuk dan 1 unit mencancang?
   A Durian dengan pisang
   B Epal dengan tembikai
   C Tembikai dengan pisang
   D Epal dengan pisang

6. Aniq berada pada kedudukan (3, 0). Dia ingin mencari sebiji tembikai. Berapakah jarak yang perlu dilalui oleh Aniq?
   A 1 unit mengufuk dan 4 unit mencancang
   B 2 unit mengufuk dan 3 unit mencancang
   C 3 unit mengufuk dan 1 unit mencancang
   D 3 unit mengufuk dan 2 unit mencancang

LIVEWORKSHEETS

7. 20 cm kepada 1 m =
   A 20 : 1
   B 5 : 1
   C 1 : 20
   D $\frac{1}{5}$

8. Terdapat 30 orang murid di dalam kelas 6 Alpha. 18 orang daripadanya adalah murid lelaki dan selebihnya adalah murid perempuan. Berapakah nisbah bilangan murid perempuan kepada jumlah bilangan murid?
   A 12 : 18
   B 12 : 30
   C 18 : 30
   D 30 : 18

9. Anna mempunyai 63 keping setem dalam negara dan 27 keping setem luar negara. Berapakah nisbah setem dalam negara kepada jumlah setem kesemuanya?
   A 7 : 10
   B 90 : 63
   C 27 : 63
   D 63 : 27

Soalan 10 – 13 adalah berdasarkan Rajah 2.

Rajah 2 menunjukkan kedudukan empat titik pada satah Cartes.



Rajah 2

10. Antara berikut, titik yang manakah terletak lima unit mengufuk dan empat unit mencancang dari asalan?
    A Titik A
    B Titik B
    C Titik C
    D Titik D

11. Namakan dua titik yang paling jauh jarak mengufuknya.
    A Titik A dan titik B
    B Titik B dan titik C
    C Titik A dan titik C
    D Titik A dan titik D

12. Nyatakan jarak di antara titik A dan titik C.
    A 2 unit mengufuk dan 1 unit mencancang
    B 1 unit mengufuk dan 2 unit mencancang
    C 1 unit mengufuk dan 1 unit mencancang
    D 0 unit mengufuk dan 3 unit mencancang

13. Setiap unit dalam rajah mewakili jarak sebenar sebanyak 2 m. Berapakah jarak sebenar antara titik C dengan titik D?
    A 2 m
    B 4 m
    C 6 m
    D 8 m

14. Rajah 3 menunjukkan bentuk gabungan dua buah segi tiga.



Rajah 3

Nisbah panjang sisi AB kepada AC ialah 3 : 8. Kira panjang BC.

A 12 cm **C** 15 cm
B 14 cm **D** 16 cm

LIVEWORKSHEETS

15. Sebanyak 8 batang pen dan 9 batang pensel masih ada di kedai alat tulis. Hitung nisbah pensel kepada semua alat tulis.
A 9 : 8
B 8 : 9
C 9 : 17
D 8 : 17

16. Chin membelanjakan RM90 untuk membeli sehelai baju dan 2 helai seluar yang sama. Harga sehelai baju ialah RM40. Nyatakan nisbah harga sehelai baju kepada sehelai seluar.
A 8 : 9
B 8 : 5
C 5 : 8
D 5 : 3

17. Rajah 4 menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 4

Nyatakan nisbah jumlah bahagian kepada bahagian tidak berlorek.
A 11 : 24
B 13 : 11
C 20 : 11
D 24 : 11

18. Sebuah bakul mempunyai 100 biji bola. Nisbah bilangan bola sepak kepada bola keranjang ialah 2 : 3. Hitung bilangan bola keranjang.
A 40 biji
B 55 biji
C 60 biji
D 65 biji

19. Luas sebuah segi empat tepat ialah 12 cm^2. Panjangnya ialah 6 cm. Berapakah nisbah panjang kepada lebar segi empat tepat itu?
A 5 : 2
B 3 : 1
C 1 : 4
D 1 : 3

20. Aminah membeli 12 batang aiskrim. 5 batang aiskrim itu berperisa coklat dan selebihnya berperisa pandan. Jika 2 batang aiskrim coklat dan 5 batang aiskrim pandan itu telah dimakan oleh anak-anaknya, berapakah nisbah bilangan aiskrim coklat kepada aiskrim pandan yang belum dimakan?
A 5 : 3
B 5 : 2
C 3 : 12
D 3 : 2

LIVEWORKSHEETS